

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI ABDUL MANAN BIN ISMAIL
[PAYA BESAR]**

SOALAN:

Dato' Sri Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai kumpulan ajaran-ajaran sesat mengikut negeri, terutama di Pahang.

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini, sebanyak **100** ajaran telah difatwakan sesat oleh negeri-negeri di Malaysia. Pada masa ini, **tiga** ajaran sesat yang aktif telah dikesan dan sentiasa dalam pemantauan pihak berkuasa iaitu:

- i. Aliran Pemikiran Liberal;

- ii. Pertubuhan Kerabat Raja Sakti (PKRS)- penjenamaan semula dari Ajaran Azhar Wahab (al-Mansur); dan
- iii. Millah Ibrahim/ Abraham..

Selain itu, terdapat juga ajaran yang difatwakan bukan dari akidah Ahli Sunnah wal-Jamaah. Manakala di negeri Pahang, ajaran sesat yang aktif ialah Ajaran Millah Abraham/ Ibrahim.

Sekian, terima kasih.